

Kajian Rintis bagi Persepsi Suami Isteri Terhadap Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam (MBPPI) di Negeri Selangor

Pilot Study on the Perception of Husband and Wife Towards the Integrated Post-Marriage Course Module (MBPPI) in the State of Selangor

Nur Faezah Musthapar¹

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Kuala Lumpur MALAYSIA

*Pengarang Utama: nurfaezahmusthapar@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.01.013>

Maklumat Artikel

Diserah: 07 Mei 2025
Diterima: 14 Mei 2025
Diterbitkan: 10 Jun 2025

Kata Kunci

kajian rintis, kebolehpercayaan instrumen, persepsi, perkahwinan Islam

Abstrak

Pelaksanaan kajian rintis penting bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kajian ini menilai kebolehpercayaan instrumen bagi mengukur persepsi peserta terhadap keberkesanan kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam (MBPPI) di Negeri Selangor, berdasarkan Model Kirkpatrick yang merangkumi empat tahap: reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Kajian ini melibatkan 22 peserta, yang terdiri daripada peserta Fasa Semarak Kasih yang mewakili pasangan yang telah berkahwin selama 11 hingga 20 tahun dan peserta dari Fasa Syurga Cinta, yang terdiri daripada mereka yang telah berkahwin selama 21 tahun dan ke atas. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang direka khusus untuk tujuan ini. Hasil analisis menunjukkan nilai Alfa Cronbach ialah 0.871, menandakan soal selidik ini mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi dan boleh dipercayai. Semua elemen dan item yang diuji dalam kajian rintis ini telah melepasi nilai pekali alpha $\alpha \geq 0.60$, yang merupakan standard minimum bagi kebolehpercayaan instrumen. Oleh itu, instrumen ini sesuai digunakan dalam kajian utama dengan sampel yang lebih besar serta mampu memberikan gambaran yang tepat terhadap persepsi peserta terhadap keberkesanan kursus MBPPI.

Keywords

pilot study, instrument reliability, perception, Islamic marriage

Abstract

The implementation of a pilot study is crucial to ensure the validity and reliability of the research instrument. This study evaluates the reliability of an instrument developed to measure participants' perceptions of the effectiveness of the Integrated Post-Marriage Course Module (MBPPI) in Selangor. The course effectiveness is assessed based on the four levels outlined in the Kirkpatrick Model: reaction, learning, behaviour, and results. The pilot study involved 22 participants, comprising individuals

from the Semarak Kasih phase, representing couples married for 11 to 20 years, and participants from the Syurga Cinta phase, who have been married for 21 years and above. Data were collected using a designed questionnaire. The analysis revealed a Cronbach's Alpha value of 0.871, indicating that the questionnaire has high internal consistency and reliable. All elements and items tested in the pilot study exceeded the alpha coefficient value of $\alpha \geq 0.60$, which is the minimum standard for instrument reliability. Therefore, the instrument is deemed suitable for use in the main study with a larger sample size and is capable of providing an accurate representation of participants' perceptions of the MBPPI course effectiveness.

1. Pendahuluan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah memperkenalkan dan melaksanakan Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam (MBPPI) secara meluas kepada pasangan suami isteri. Inisiatif ini diambil sebagai langkah proaktif bagi menangani krisis serius dalam hubungan suami isteri yang semakin meruncing. Pelbagai insiden tragis yang melibatkan pasangan suami isteri beragama Islam telah berlaku, termasuk kes-kes pembunuhan yang mengejutkan masyarakat. Sebagai contoh, pada 19 Jun 2024 di Batu Gajah, seorang suami telah menikam isterinya kerana rasa tidak puas hati terhadap tuntutan fasakh yang dibuat oleh isteri (Muhammad Zulsyamini, 2024). Begitu juga, pada 8 April 2023 di Kota Kinabalu, seorang suami telah menikam isterinya hingga menyebabkan kematian akibat perasaan cemburu. Satu lagi kes berlaku di Dungun, Terengganu, di mana seorang suami memukul isterinya sehingga maut disebabkan tekanan kewangan yang dihadapinya. Selain itu, pada 5 Mac 2023 di Simpang Empat, Perlis, seorang suami yang juga anggota polis menembak isterinya. Insiden-insiden ini mencerminkan keperluan mendesak untuk intervensi melalui program-program seperti kursus MBPPI dalam usaha membendung kemelut dalam hubungan suami isteri.

Statistik terkini Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2023 menunjukkan lonjakan ketara dalam kes perceraian, dengan peningkatan sebanyak 43.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Lebih membimbangkan, masyarakat Islam merekodkan jumlah perceraian tertinggi. Daripada 62,890 kes perceraian yang dilaporkan pada tahun 2022, sebanyak 46,138 kes melibatkan pasangan Islam, mencatatkan peningkatan 45.8 peratus berbanding tahun sebelumnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Peningkatan ini disebabkan oleh beberapa faktor utama, antaranya kecurangan suami isteri, pengabaian nafkah zahir dan batin, masalah komunikasi, kesulitan kewangan, serta kelemahan dalam pengamalan agama. Situasi-situasi ini membuktikan bahawa prinsip *mu'āsharah bil ma'rūf* dalam hubungan suami isteri telah diabaikan.

Sehubungan itu, JAKIM bersama Bahagian Keluarga, Sosial, dan Komuniti (KSK) serta JAIS telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan kursus MBPPI (Dalia Ismail, 2019). Kursus ini dirancang untuk dilaksanakan dalam empat fasa utama yang merangkumi pelbagai tahap perkahwinan, iaitu Fasa Bulan Madu yang meliputi tempoh 1 hingga 5 tahun perkahwinan, Fasa Sehati Sejiwa bagi perkahwinan yang telah berlangsung selama 6 hingga 11 tahun, Fasa Semarak Kasih yang menyasarkan pasangan yang telah bersama selama 12 hingga 20 tahun, dan Fasa Syurga Cinta yang dikhususkan untuk pasangan yang telah mencapai lebih daripada 21 tahun perkahwinan (JAKIM, 2024). Selain itu, statistik menunjukkan bahawa Selangor merekodkan jumlah kes perceraian pasangan Islam tertinggi pada tahun 2022, dengan 8,811 kes dilaporkan (Tuty Haryanti, 2022).

Siti Zawani Rosli (2016) menjelaskan bahawa terdapat peserta yang menyuarakan keperluan untuk penambahbaikan dalam kandungan modul yang disampaikan dalam kursus, serta mencadangkan agar tempoh kursus dipanjangkan untuk membolehkan pendalaman yang lebih mendalam mengenai topik-topik yang berkaitan dengan perkahwinan. Hal ini penting bagi memastikan bahawa semua aspek yang relevan dapat dibincangkan dengan lebih menyeluruh dan memberikan manfaat yang maksimum kepada peserta. Selain itu, kursus ini masih kurang mendapat sambutan yang meluas, terutamanya dalam kalangan pasangan suami isteri yang baru berkahwin, khususnya dalam lima tahun pertama perkahwinan mereka.

Norizan Othman (2022) menjelaskan bahawa terdapat peserta kursus yang masih memerlukan pandangan dan khidmat nasihat tambahan, kerana masalah konflik dalam rumah tangga masih berlaku. Ini termasuk pasangan yang menghadapi masalah kekal, ketidakstabilan pekerjaan, dan kurangnya tanggungjawab, walaupun mereka telah menyertai kursus MBPPI tersebut. Masalah ini menunjukkan bahawa kursus tersebut mungkin belum sepenuhnya dapat menangani isu-isu mendalam yang dihadapi oleh peserta. Selain itu, peserta kursus turut berdepan dengan keterbatasan akses kepada sokongan berterusan atau sumber yang dapat membantu mereka mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh sepanjang program. Tempoh

masa kursus yang terhad juga menjadi cabaran utama bagi suami isteri dalam menangani isu-isu mendasari hubungan mereka secara efektif, yang memerlukan lebih banyak masa dan sokongan untuk diselesaikan.

Penulisan ini membincangkan latar belakang dan kepentingan kursus MBPPI sebagai inisiatif dalam menangani masalah serius dalam hubungan suami isteri. Oleh itu, bagi memahami dengan lebih mendalam kesan serta keberkesanan kursus ini, kajian ini dijalankan untuk menilai persepsi peserta serta keupayaannya dalam mengatasi isu-isu berkenaan.

1.2 Objektif Kajian

Berdasarkan isu-isu yang dibincangkan, artikel ini bertujuan untuk melaksanakan kajian rintis bagi menilai persepsi peserta MBPPI di Negeri Selangor. Kajian rintis ini dilaksanakan bagi memperoleh gambaran awal tentang pandangan dan pengalaman peserta yang telah menghadiri kursus.

1.3 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengenal pasti dan menganalisis persepsi suami isteri terhadap keberkesanan Kursus MBPPI. Model Kirkpatrick digunakan sebagai kerangka penilaian, di mana keberkesanan kursus dinilai berdasarkan empat tahap utama: tahap reaksi peserta terhadap kursus, tahap pembelajaran yang dicapai, perubahan tingkah laku selepas mengikuti kursus, dan hasil yang diperoleh oleh peserta daripada kursus tersebut.

Kajian rintis melibatkan 22 orang peserta daripada Fasa Semarak Kasih (tempoh perkahwinan 11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun ke atas). Data peserta diperoleh melalui Bahagian Undang-Undang Keluarga, JAIS. Soal selidik yang disediakan digunakan untuk pengumpulan data dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 2.0. Analisis ini bertujuan menguji kebolehpercayaan item dalam soal selidik, bagi memastikan instrumen tersebut dapat mengukur dengan tepat persepsi serta keberkesanan kursus dalam kalangan peserta.

1.4 Konsep Pelaksanaan Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk menilai kebolehlaksanaan dan kesesuaian kajian sebelum pelaksanaannya secara menyeluruh, seperti yang dinyatakan oleh Chua Yan Piaw (2006). Kajian rintis berfungsi sebagai ujian awal bagi menilai sejauh mana instrumen soal selidik dapat memberikan hasil yang boleh dipercayai dan konsisten. Salah satu kaedah utama untuk menilai kebolehpercayaan dan konsistensi soal selidik adalah dengan pengiraan nilai pekali indeks Alfa Cronbach. Pekali ini merupakan ukuran penting bagi memastikan instrumen yang digunakan sesuai dan berkesan untuk kajian sebenar. Forza (2002) mencadangkan jumlah sampel bagi kajian rintis adalah seramai 15 orang, manakala Hair et al. (2003) mengesyorkan saiz sampel dalam lingkungan antara 5 hingga 30 orang. Cadangan ini memberikan panduan praktikal untuk menentukan jumlah sampel yang mencukupi bagi tujuan kajian rintis.

1.5 Prosedur Pelaksanaan Kajian Rintis

Kajian rintis dilaksanakan dalam tiga fasa utama: pra kajian, semasa kajian dan pasca kajian.

1.5.1 Pra Kajian

Fasa ini melibatkan persiapan awal seperti penyediaan instrumen kajian, pengumpulan maklumat latar belakang peserta, dan perancangan strategi pelaksanaan kajian. Proses ini penting untuk memastikan segala aspek kajian dirancang dengan rapi sebelum pelaksanaan.

i. Perancangan Bentuk Soalan

Soalan-soalan dalam soal selidik ini dirangka dengan teliti, merangkumi aspek penting seperti arahan yang jelas kepada responden, susun atur yang teratur, serta konstruk setiap item yang diselaraskan dengan objektif kajian. Tatabahasa yang betul juga diberi penekanan untuk memastikan responden dapat memahami setiap soalan dengan tepat. Instrumen soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian utama.

Bahagian I memfokuskan pada pengumpulan maklumat demografi responden, merangkumi jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi, tahap pendidikan agama, status pekerjaan semasa, bilangan anak daripada

perkahwinan terkini, serta pendapatan isi rumah. Bahagian II bertujuan untuk mengumpul maklumat terperinci mengenai tahap reaksi peserta terhadap kursus, pencapaian dalam pembelajaran, perubahan tingkah laku selepas menghadiri kursus, serta hasil keseluruhan yang diperoleh daripada kursus tersebut. Setiap soalan dalam kedua-dua bahagian ini disusun untuk memberikan gambaran komprehensif mengenai pengalaman dan kesan kursus terhadap peserta.

Soal selidik ini adalah hasil daripada proses adaptasi dan pengubahsuaian yang teliti. Soalan-soalan dalam soal selidik ini diadaptasi daripada beberapa kajian terdahulu yang relevan, termasuk kajian oleh Aljawharah Alsalamah dan Carol Callinan (2021), Anisia Kumala Masyhadi dan Yulistin Tresnawaty (2019), Rano Mal Piryani et al. (2018), Rosman Md Yusoff et al. (2011), serta Philip G. Monroe (2009). Setiap soalan yang diambil daripada kajian-kajian ini telah diubah suai dengan teliti agar selaras dengan objektif khusus dan konteks kajian, khususnya untuk memastikan kesesuaiannya dengan peserta kursus MBPPI. Setelah melalui proses adaptasi dan pengubahsuaian, keseluruhan soal selidik ini mengandungi 120 item yang merangkumi keempat-empat tahap yang ditetapkan dalam kajian ini.

ii. Perancangan Bahan

Pengkaji telah mengambil inisiatif awal dengan menghantar surat permohonan rasmi kepada JAIS bagi memperoleh data kajian rintis yang melibatkan peserta kursus Fasa Semarak Kasih dan Fasa Syurga Cinta. Keizinan ini penting untuk memastikan pengkaji dapat menjalankan kajian menggunakan data yang tepat dan relevan. Setelah menerima kelulusan daripada JAIS, pengkaji menghubungi peserta yang terlibat untuk mendapatkan persetujuan mereka menyertai kajian ini. Persetujuan tersebut adalah langkah penting bagi memastikan peserta memahami tujuan kajian dan bersedia untuk terlibat, khususnya dalam fasa kajian rintis.

Selain itu, bagi menjamin kesahan kandungan item dalam soal selidik, pengkaji telah mendapatkan pandangan daripada dua orang pakar yang berpengalaman dalam bidang berkaitan. Pakar-pakar ini diminta menilai kesesuaian dan ketepatan item soal selidik tersebut untuk memastikan ia selaras dengan objektif kajian serta sesuai digunakan dalam konteks kajian yang dijalankan.

1.5.2 Semasa Kajian

Fasa ini merangkumi pelaksanaan kajian rintis itu sendiri. Pengkaji menjalankan pengumpulan data, memantau pelaksanaan soal selidik, dan memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan teliti. Langkah ini bertujuan untuk memperoleh data yang berkualiti dan relevan.

Kajian ini dilaksanakan menggunakan platform Google Form sebagai medium pengedaran soal selidik. Pemilihan kaedah ini dipengaruhi oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang melanda pada tahun 2020. Oleh kerana keterbatasan pergerakan fizikal, kaedah dalam talian dipilih sebagai alternatif yang paling sesuai. Pengkaji memperoleh maklumat seperti nombor telefon dan alamat e-mel responden bagi tujuan penghubungan serta pengedaran soal selidik.

Sebelum pengedaran soal selidik dilakukan, pengkaji terlebih dahulu menghubungi responden untuk mendapatkan persetujuan mereka menyertai kajian ini. Setelah persetujuan diberikan, pengkaji menetapkan masa yang sesuai untuk responden menjawab soal selidik tersebut. Selain itu, pengkaji turut mengambil inisiatif menerangkan dengan jelas prosedur dan langkah-langkah yang perlu diikuti oleh responden semasa menjawab soal selidik bagi memastikan mereka memahami dengan tepat dan mengelakkan sebarang kekeliruan.

1.5.3 Pasca Kajian

Fasa ini melibatkan analisis data yang telah dikumpulkan, refleksi terhadap proses pelaksanaan kajian, serta membuat pengubahsuaian yang diperlukan berdasarkan dapatan kajian rintis. Langkah-langkah ini memastikan sebarang kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki sebelum kajian utama dijalankan.

Setelah memperoleh dapatan kajian, pengkaji menjalankan analisis terhadap kajian rintis menggunakan perisian statistik SPSS untuk mengenal pasti corak dan trend dalam data yang dikumpulkan. Dalam proses ini, beberapa pengubahsuaian dilakukan terhadap item soal selidik yang sedia ada bagi memastikan soalan tersebut lebih relevan dan tepat dengan konteks kajian. Pengkaji juga menggugurkan item-item yang didapati tidak sesuai atau kurang berkesan dalam mencapai objektif kajian.

Selain itu, pengkaji turut memberi perhatian teliti terhadap arahan, pernyataan, dan setiap item soalan dalam soal selidik untuk memastikan ia mudah difahami oleh responden. Setiap elemen dinilai agar jelas dari segi maksud serta menggunakan perkataan yang tepat dan sesuai, bagi mengelakkan sebarang kekeliruan atau salah tafsir oleh responden kajian.

1.6 Dapatan Dan Perbincangan Kajian

1.6.1 Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan item dalam soal selidik merupakan aspek penting dalam penyelidikan kerana ia memastikan setiap item yang digunakan dalam kajian sebenar dinilai berdasarkan ketekalan dalamannya. Ketekalan dalaman merujuk kepada tahap di mana item-item dalam soal selidik menghasilkan keputusan yang konsisten dan boleh dipercayai apabila digunakan untuk mengukur konsep atau konstruk yang sama.

Penilaian terhadap ketekalan dalaman adalah penting kerana ia memastikan bahawa responden memberikan respons yang konsisten terhadap setiap item, mencerminkan pemahaman yang seragam terhadap soalan-soalan yang diajukan. Ini adalah kritikal untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah sahih dan boleh diandalkan untuk tujuan analisis. Tanpa ketekalan dalaman yang kukuh, hasil kajian berisiko terdedah kepada bias atau ketidaktepatan, yang boleh mempengaruhi kesimpulan yang dibuat berdasarkan data tersebut. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik dapat dinilai melalui nilai pekali kebolehpercayaan Alfa Cronbach seperti yang diterangkan dalam jadual interpretasi skor min berikut:

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Alfa Cronbach

Nilai Alfa Cronbach	Interpretasi	Rujukan
0.00 hingga +1.00	Pada asasnya (Lyman, 1986)	Lyman, 1986
0.60 hingga 0.70	Puas hati (satisfied coefficients)	Borg & Gall, 1979
0.70 hingga 0.80	Stabil (stability coefficients)	Borg & Gall, 1979
0.80 hingga 0.90	Kebiasaan (customary coefficients)	Borg & Gall, 1979
0.80 hingga 0.90	Boleh diterima (acceptable reliability)	Borg & Gall, 1979
0.90 hingga 0.95	Mencukupi (sufficient coefficients)	Borg & Gall, 1979
0.90 hingga +1.00	Sangat baik (very good reliability)	Vierra & Pollock, 1992
0.95 hingga +1.00	Keseragaman ketekalan dalaman yang diterima (acceptable standardised test for internal consistency)	Kubiszyn & Borich, 1993

Jadual 1 menunjukkan bahawa nilai koefisien Cronbach's Alpha (α) yang melebihi 0.61 dianggap boleh diterima. Data bagi instrumen soal selidik ini telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Sementara itu, Jadual 2 di bawah memperincikan nilai pekali kebolehpercayaan bagi setiap item dalam instrumen soal selidik untuk peserta kursus pasca perkahwinan Islam (Fasa Semarak Kasih dan Fasa Syurga Cinta).

Jadual 2: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Item Instrumen Soal Selidik Peserta Kursus Pasca Perkahwinan Islam (Fasa Semarak Kasih & Fasa Syurga Cinta)

Bahagian	Konstruk Item	Bilangan Item	Nilai Alfa Cronbach
Bahagian B	Tahap Reaksi		
	Penyampaian Kursus	5	0.898
	Kandungan Modul	11	0.970
	Pengurusan Kursus	11	0.912
Bahagian C	Tahap Pembelajaran		
	Pengetahuan dan Kemahiran Asas	7	0.924
Bahagian D	Tahap Tingkah Laku		
	Penyesuaian Perkahwinan melalui Nilai-Nilai Agama	7	0.921
	Cinta dan Kasih Sayang	9	0.832
	Hubungan Intim	9	0.612
	Pergaulan Baik	55	0.892
Bahagian E	Tahap Hasil		
	Pencapaian Organisasi	6	0.974
Nilai Keseluruhan		120	0.871

Cronbach Alpha

Jadual 2 berikut memaparkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dalam soal selidik yang digunakan dalam kajian ini. Nilai Alfa Cronbach yang melebihi 0.60 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan bagi instrumen soal selidik ini.

Analisis deskriptif ini melibatkan penilaian menggunakan pekali Cronbach Alpha. Berdasarkan Jadual 2, hasil analisis ujian rintis menunjukkan nilai keseluruhan pekali Cronbach Alpha adalah 0.871. Pada tahap reaksi, konstruk item 'penyampaian kursus' menunjukkan nilai alpha $\alpha = 0.898$ atau 89.8%. Berdasarkan tafsiran nilai Cronbach Alpha yang dijelaskan dalam Jadual 1, nilai pekali alpha antara 0.80 hingga 0.90 menunjukkan tahap kebiasaan (customary) menurut Borg dan Gall (1979). Seterusnya, bagi konstruk item 'kandungan kursus', nilai alpha yang diperoleh ialah $\alpha = 0.970$ atau 97.0%. Berdasarkan tafsiran tersebut, pekali alpha dalam julat 0.90 hingga 1.00 menunjukkan tahap yang sangat baik (*very good reliability*), menurut Vierra dan Pollock (1992). Sementara itu, bagi konstruk item 'pengurusan kursus', nilai alpha ialah $\alpha = 0.912$ atau 91.2%. Mengikut tafsiran nilai Cronbach Alpha, pekali alpha antara 0.90 hingga 0.95 menunjukkan tahap yang mencukupi (*sufficient*), seperti yang dinyatakan oleh Borg dan Gall (1979).

Pada tahap pembelajaran, konstruk item 'pengetahuan dan kemahiran asas' mencatatkan nilai alpha $\alpha = 0.924$ atau 92.4%. Berdasarkan tafsiran nilai Cronbach Alpha (α) dalam Jadual 1, pekali alpha dalam julat 0.90 hingga 0.95 menunjukkan tahap yang mencukupi (*sufficient*), menurut Borg dan Gall (1979).

Bagi tahap tingkah laku, konstruk item 'penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama' mencatatkan nilai alpha $\alpha = 0.921$ atau 92.1%. Berdasarkan tafsiran nilai Cronbach Alpha (α) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, pekali alpha dalam julat 0.90 hingga 0.95 menunjukkan tahap yang mencukupi (*sufficient*), menurut Borg dan Gall (1979). Seterusnya, untuk konstruk item 'cinta dan kasih sayang', nilai alpha adalah $\alpha = 0.832$, atau 83.2%. Berdasarkan tafsiran nilai Cronbach Alpha (α), nilai pekali alpha antara 0.80 hingga 0.90 menunjukkan tahap kebiasaan (customary) menurut Borg dan Gall (1979). Bagi konstruk item 'hubungan intim', nilai alpha adalah $\alpha = 0.612$, atau 61.2%. Berdasarkan tafsiran nilai Cronbach Alpha (α), nilai pekali alpha antara 0.60 hingga 0.70 menunjukkan tahap yang memuaskan (*satisfied*) menurut Borg dan Gall (1979). Bagi konstruk item 'pergaulan baik', nilai alpha adalah $\alpha = 0.892$, atau 89.2%. Berdasarkan tafsiran nilai Cronbach Alpha (α), nilai pekali alpha antara 0.80 hingga 0.90 menunjukkan tahap kebiasaan (customary) menurut Borg dan Gall (1979).

Akhir sekali, pada tahap hasil, nilai alpha yang diperoleh ialah $\alpha = 0.974$ atau 97.4%. Berdasarkan tafsiran nilai Cronbach Alpha (α), pekali alpha dalam julat 0.90 hingga 1.00 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik (*very good reliability*), seperti yang dinyatakan oleh Vierra dan Pollock (1992).

Berdasarkan dapatan kajian rintis, dapat disimpulkan bahawa soal selidik yang dibangunkan sesuai untuk digunakan dalam sampel sebenar kajian ini. Hal ini kerana keseluruhan konstruk item yang diuji telah melepasi tahap kebolehpercayaan dengan nilai pekali alfa $\alpha > 0.60$. Ini membuktikan bahawa soal selidik tersebut mempunyai ketekalan dalaman yang mencukupi untuk digunakan dalam konteks kajian sebenar. Walau bagaimanapun, beberapa pengubahsuaian telah dikenal pasti bagi meningkatkan lagi kesahihan dan keberkesanan instrumen ini. Proses awalnya melibatkan 120 item soal selidik, namun selepas penelitian dan saranan daripada pakar, jumlah item tersebut telah dikurangkan kepada 73 item sahaja.

Pengurangan ini bukan sekadar bertujuan untuk mengurangkan bilangan item, tetapi dilakukan dengan teliti untuk memastikan setiap item yang tinggal benar-benar relevan dan mampu mengukur konstruk yang dimaksudkan dengan lebih tepat. Di samping itu, beberapa penambahbaikan dicadangkan dari segi penggunaan ayat dan frasa dalam soal selidik bagi memastikan ia tidak mengelirukan responden. Melalui langkah-langkah ini, soal selidik yang telah diperhalusi diharapkan dapat memberikan data yang lebih tepat dan boleh dipercayai apabila digunakan dalam kajian lapangan yang sebenar. Proses pengubahsuaian ini mencerminkan komitmen terhadap peningkatan kualiti instrumen penyelidikan, memastikan ia bukan sahaja sesuai dari segi teori tetapi juga praktikal untuk digunakan dalam konteks sebenar.

Berdasarkan kajian rintis dan analisis prosedur kesahan serta kebolehpercayaan yang telah dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa item-item soal selidik secara keseluruhannya adalah sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar, walaupun beberapa pengubahsuaian diperlukan untuk memastikan keakuratannya. Kajian rintis ini telah membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan instrumen soal selidik, di mana terdapat beberapa item yang memerlukan semakan semula. Item-item tersebut perlu diperbaiki atau disesuaikan dengan lebih baik bagi memastikan ia dapat mengukur dengan tepat aspek-aspek yang menjadi fokus kajian. Dengan pengubahsuaian dan penambahbaikan yang dilaksanakan, instrumen soal selidik yang telah diperhalusi ini dijangka dapat memberikan dapatan yang lebih tepat dan relevan, sekali gus menyumbang kepada keberhasilan kajian lapangan yang lebih mantap dan berkesan.

1.7 Kesimpulan

Kajian rintis ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik yang digunakan sesuai untuk diterapkan dalam kajian sebenar. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, nilai pekali alfa yang diperoleh menunjukkan bahawa instrumen tersebut memiliki tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima. Ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut tidak hanya dapat diterima secara statistik, tetapi juga berupaya mengukur ketekalan item-item soal selidik dengan baik. Hasil kajian ini mencerminkan potensi instrumen soal selidik untuk memberikan data yang sahih dan boleh dipercayai, sekaligus memperkukuhkan kesahihan dan kebolehpercayaan dalam konteks kajian yang lebih luas.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Pengajian Am dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan mereka sehingga penulisan ini dapat diterbitkan

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan tanggungjawab tunggal untuk perkara berikut: konsepsi dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan interpretasi hasil, serta penyediaan manuskrip

Rujukan

- Aljawharah Alsalamah dan Carol Callinan. (2021). Adaptation of Kirkpatrick's Four-Level Model of Training Criteria to Evaluate Training Programmes for Head Teachers", *Educ. Sci.* 11.
- Anisia Kumala Masyhadi dan Yulistin Tresnawaty. (2019). Keluarga Sakinah dan Konstruksi Alat Ukurnya", *Jurnal Ilmiah Penelitian* 5(1): 39-40
- Borg, W.R., & Gall, M.D. (1979). *Educational Research: An Introduction*. (3rd ed), New York: Longman.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Dalia Ismail, "Jakim Perkenal Modul Pasca Perkahwinan Elak Perceraian", laman sesawang Malaysia Dateline, diakses 20 Ogos 2024, <https://malaysiadateline.com/jakim-perkenal-modul-pasca-perkahwinan-elak-perceraian/>
- Donald R. Cooper & Pamela S. Schindler. (2006). *Bussines Research Methods*. 9th edition. McGraw-Hill International Edition.
- Faradillah Iqmar Omar, Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan, Mawar Murni Yunus & Nor Azlili Hassan. (2002). Penggunaan ICT Sebagai Medium Komunikasi Perniagaan Usahawan B40: Satu Kajian Rintis, *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 9(1): 152 -166
- Forza, C. (2002). Survey Research in Operations Management: A Process-Based Perspective, *International Journal of Operations & Production Management* 22(2): 152-194.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gorsuch, R. L. (1983). *Factor Analysis* (2nd Ed.). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Hair, J.F., Babin, B., Money, A.H., & Samouel, P. (2003). *Essentials of Business Research Method*. USA: John Wiley & Sons.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, "Seminar Kelestarian Keluarga Cabaran Pasca Pekahwinan Abad ke 21", diakses 5 Mei 2024, <http://www.islam.gov.my/arkib-berita?id=350:seminar-kelestarian-keluarga-cabaran-pascaperkahwinan-abad-ke-21-pelancaran-modul-pascaperkahwinan-islam>

Jabatan Perangkaan Malaysia, "Bagi Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2023", diakses 7 Mei 2024, <https://www.dosm.gov.my/portal-main/landingv2>

Junainah Idris, Fadilah Mat Nor, Nur Syaheera Atan & Aza Shahnaz Azman. (2023). Pelaksanaan E-Pembayaran dalam Pengurusan Kutipan Sumbangan Masjid di Selangor: Satu Kajian Rintis, E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi 10(2):104-116

Mac Callum, R.C., Widaman, K.F., Zhang, S., & Hong, S. (1999). Sample Size in Factor Analysis. *Psychology Methods* 4(1): 84-99.

Mohd. Majid Konting, Kaedah Penyelidikan Pendidikan, (2nd ed), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri, "Tikam mati isteri selepas gagal dipujuk", diakses 15 Julai 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/06/1261127/tikam-mati-isteri-selepas-gagal-dipujuk>

Philip G. Monroe, "Sex Therapy Assessment Questionnaire", 2009

Pratt, D. (1980) Curriculum Design and Development. International Edition. USA: Halcourt Brace Jovonarich.

Rano Mal Piryani, Govinda Prasad Dhungana, Suneel Piryani dan Mamata Sharma Neupane. (2018). Evaluation of Teachers Training Workshop at Kirkpatrick Level 1 using Retro-Pre Questionnaire. *Advances in Medical Education and Practice* 9, 453-457

Robert, J., Dermoott, M., & Sarrela, P.L. (1996). Health Education Evaluation and Measurement: A Practitioner's Perspective. (2nd ed). New Jersey: Prentice Hall Englewood

Rosman Md Yusoff, Kassim Thukiman dan Fadilah Ismail. (2011). Analisis Keberkesanan Penggerak Program Modul Keluarga Sakinah di Negeri Johor. Disertasi Sarjana, Universiti Teknologi Mara.

Siti Zaleha Ibrahim, Hasliza Talib, Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Noraini Mohamad, Mek Wok binti Mahmud & Siti Nur Husna Abd Rahman. (2019). Kajian Rintis Kesedaran Masyarakat terhadap Peranan Wali Kepada Anak Yatim Di Negeri Selangor, E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi 6(2) :71-92

Siti Zawani Rosli. (2016). Persepsi Calon Suami Isteri Terhadap Pelaksanaan Kursus Pra Perkawinan Pada Kantor Pentadbiran Agama Islam Daerah Taiping Perak Darul Ridzuan Malaysia", *Hukum Islam* 16(1)

Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, "Selangor, Johor Catat Kes Cerai Paling Tinggi", diakses 6 Mei 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/937674/selangor-johor-catat-kes-cerai-paling-tinggi>

Wiersma, W. (2000). Research in Education: An Introduction. Boston: Allyn and Bacon

Zetty Nurzuliana Rashed, Kamarulnizam Sani, Sapie Sabilan, Haslina Hamzah & Munera Hashim, (2023). Pendekatan Intervensi Murid Tercicir bagi Subjek Jawi di Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor: Kajian Rintis, E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi, 10(2): 37-49